

The book cover features a teal background with a wavy, textured pattern. On the left, a white, zig-zagging path leads up a hill towards a flag on a pole. A colorful, stylized figure of a person is running on the path. The overall theme is one of perseverance and achievement.

EDISI 2

TIADA YANG MUSTAHIL

KISAH KEJAYAAN OKU

Editor

• Norailis Ab. Wahab
• Hamidah Hassan
• Siti Mariam Sageh
• Noorhafiza Ahmad

TIADA YANG MUSTAHIL: KISAH KEJAYAAN OKU EDISI 2

Diterbitkan oleh:

INSTITUT SOSIAL MALAYSIA

Lot PT 13856

KM6 Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban

Sungai Besi, 57100 Kuala Lumpur

Malaysia

Tel: 03-7985 3333 Faks: 03-7985 3300

E-mel: info@ism.gov.my

Laman Web: www.ism.gov.my

Cetakan Pertama 2022

Penerbitan © Institut Sosial Malaysia

Teks dan Foto © Institut Sosial Malaysia

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian teks, ilustrasi, foto atau isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Institut Sosial Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

TIADA YANG MUSTAHIL: KISAH KEJAYAAN OKU EDISI 2

EDITOR Norailis Ab. Wahab, Hamidah Hassan, Siti Mariam Sageh, Noorhafiza Ahmad. – EDISI 2.

ISBN 978-967-5472-50-3

1. People with disabilities.

2. Successful people.

3. Success

I. Norailis Ab. Wahab. II. Hamidah Hassan.

III. Siti Mariam Sageh. IV. Noorhafiza Ahmad.

Dicetak di Malaysia oleh:

Techno Secure Print Sdn. Bhd.

SD30, Jalan KIP 10 Perindustrian Kepong,

Kepong, 52200 Kuala Lumpur

ISI KANDUNGAN

<i>Perutusan</i>	X
<i>Kata Alu-aluan</i>	XIV
<i>Penghargaan</i>	XVII
<i>Prakata</i>	XIX
<i>Senarai Ahli Pasukan Task Force Penerbitan Buku Tiada Yang Mustahil: Kisah Kejayaan OKU Edisi 2</i>	XX
Pengenalan - Tiada Yang Mustahil: Kisah Kejayaan OKU	1
OKU DALAM BIDANG AKADEMIK	14
Profesor Ts. Dr. Zaidi Embong	15
<i>Saintis OKU Berkerusi Roda</i>	
Profesor Madya Dr. Mohd. Nizam Barom	23
<i>Polaroid Tidak Berfilem</i>	
Dr. Ahmad Shamsuri Muhamad	33
<i>Harapan Mencipta Keberanian, Usaha Mencapai Kehormatan</i>	
Meor Muhd. Afif Aiman Abu Bakar	41
<i>Ibarat Mutiara Di Belahan Lautan</i>	

Sharifah Zubaidah Wan Abu Bakar	47
<i>Tinta Cereka Si Buta</i>	
OKU DALAM BIDANG KEMASYARAKATAN	56
Aqlam Jafri	57
<i>Patah Sayap Terbang Jua</i>	
Chole Gan	65
<i>Hwarang: Teras Empat Arah</i>	
Choo Siew Cheong	71
<i>Mengejar Peluang, Menggarap Impian</i>	
Mohammad Faizal Che Yusof	79
<i>Memasak Mandat Menggalas Amanah</i>	
Norfarrah Syahirah Shaari	91
<i>Membujur Lalu Melintang Patah</i>	
Ramlah Md Jalee	99
<i>Setitis Ilmu Seluas Lautan</i>	
Zamri Mansor	107
<i>Bagai Helang Memintas Awan</i>	
OKU DALAM BIDANG KESENIAN	116
Muhammad Qayyim Nizar Sarimi	117
<i>Lantunan Suara Menusuk Kalbu</i>	
Khairul Azmi Mohd. Saat	123
<i>Suara Emas Membelai Jiwa</i>	

OKU DALAM BIDANG KEUSAHAWANAN	130
Dr. Ruzimi Mohamad @ Mahmood	131
<i>Menyulam Tekad Menggapai Impian</i>	
Khairi Othman	141
<i>Perah Keringat Menongkah Arus Ampuh Kehidupan</i>	
Mohd. Nazri Hussin	149
<i>Usah Direnung Letihnya Usaha</i>	
Muhammad Huzaery Muhamad Daud	157
<i>Dambaan Displin Dalam Potensi Menemukan Cita-Cita</i>	
Noor Azizah Muhammad Zamri	165
<i>Sabar Kunci Jaya</i>	
Nor Adzleen Abdul Karim	171
<i>Biar Tangan Berbicara</i>	
Norli Hamzah	179
<i>Warisan Kasih Penyambung Legasi</i>	
Jeannie Tan Ruey Jiuan	185
<i>Perbezaan Yang Dirai</i>	
OKU DALAM BIDANG KESUKANAN	194
Ahmad Fadil Othman	195
<i>Sinaran Permata Berharga</i>	
Bonnie Bunyau Anak Gustin	201
<i>Nekad Si Badang</i>	

Cheah Liek Hou	209
<i>Tangan Emas</i>	
Mohamad Khasseri Othman	217
<i>Pandangan Melangkaui Penglihatan</i>	
Mohamad Ridzuan Mohd. Asri	225
<i>Yang Bulat Datang Bergolek, Yang Pipih Datang Melayang</i>	
Mohd Sabki Ariffin	233
<i>Nekad Dan Tekad Menakluk Keunggulan</i>	
Muhammad Hisyam Khaironi	243
<i>Lontaran Membina Arca Kejayaan</i>	
Muhamad Ashraf Muhammad Haisham	249
<i>Larian Mengejar Impian</i>	
Muhammad Nabil Rosli	259
<i>Sehari Selebar Benang, Lama-Lama Menjadi Kain</i>	
Sunny N Sabornido	267
<i>Bahana Sang Peredam</i>	
Biodata Penulis	273

Polaroid Tidak Berfilem

OLEH: DZULKIFLI MUKHTAR

"Kalau Prof. Ismail boleh buat saya pun boleh buatlah," kata hati anak bongsu daripada 10 beradik ini. Kata-kata inspirasi anak kelahiran Kampung Bachang, Melaka negeri bersejarah ini dalam meneruskan usahanya mencapai cita-cita menjadi seorang pensyarah universiti dalam bidang ekonomi. Mohd. Nizam bin Barom berasa amat bersyukur kerana bapa, kakak-kakak serta abang-abangnya memberi dorongan serta bimbingan yang menyemarakkan semangat beliau untuk terus berusaha mencapai impiannya. Walaupun ibunya telah menyahut seruan Maha Pencipta seawal usianya lapan tahun, memori bersama ibunya juga menjadi sebahagian daripada sumber semangat untuk berjaya. Meskipun keluarganya sentiasa mendoakan adik bongsu mereka ini lahir normal, namun nasib tidak menyebelahnya. Seperti enam lagi kakak dan abangnya yang lain, Nizam berhadapan dengan sejenis penyakit yang menyebabkan beliau semakin hilang penglihatan apabila meningkat usia.

"Seperti kamera yang kerosakan filem"-beginitulah cara untuk menerangkan akan keadaan penyakit yang dialami oleh Nizam dan enam lagi adik-beradiknya yang lain. Walaupun daripada luaran mata mereka kelihatan seperti biasa, tetapi sel retina di belakang mata yang berfungsi menyalurkan maklumat penglihatan ke otak mati secara perlahan-lahan. Walaupun begitu, keadaan yang menimpa Nizam bukan alasan untuk terus pasrah tanpa usaha dan berhenti mengejar impian hidup. Pengalaman kakak dan abangnya dalam menghadapi masalah yang sama turut membantu beliau dalam mendepani cabaran yang serupa. Dari kecil lagi Nizam melihat abang dan kakaknya yang merupakan OKU penglihatan juga bekerja, berkeluarga sendiri dan bahagia dengan kehidupan mereka. Justeru itu beliau turut ingin menjadi seorang yang lebih positif dalam menjalani kehidupannya.

Masalah penglihatan beliau mula dimanifestasi daripada kecil lagi bermula dengan rabun malam dan